

# REKABENTUK DAN PEMBANGUNAN KURSUS PENTAULIAHAN MIKRO BAGI PENINGKATAN PROFESSIONALISME PEDAGOGI BAHASA ARAB DALAM KALANGAN GURU

## *THE DESIGN AND DEVELOPMENT OF A MICRO-CREDENTIAL COURSE TO ENHANCE THE PROFESSIONALISM OF ARABIC LANGUAGE PEDAGOGY AMONG TEACHERS*

Muhammad Sabri Sahrir<sup>1</sup>  
Ilyani Syiham Muhammad<sup>2</sup>  
Wan Rusli Wan Ahmad<sup>3</sup>  
Mohd Fauzi Abdul Hamid<sup>4</sup>

<sup>1</sup> Kulliyah Pendidikan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), 53100 Gombak, Kuala Lumpur, Malaysia (Email: muhdsabri@iium.edu.my)

<sup>2</sup> Centre for Languages and Pre-University Academic Development (CELPAD), 53100 Gombak, Kuala Lumpur, Malaysia (Email: ilyani@iium.edu.my)

<sup>3</sup> Kulliyah Pendidikan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), 53100 Gombak, Kuala Lumpur, Malaysia (Email: wanrusli@iium.edu.my)

<sup>4</sup> Pusat Pengajian Bahasa Arab, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Terengganu, Malaysia, Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu Darul Iman, Malaysia (Email: mohdfauzi@unisza.edu.my)

### Article history

Received date : 22-8-2024  
Revised date : 23-8-2024  
Accepted date : 24-10-2024  
Published date : 15-2-2025

### To cite this document:

Sahrir, M. S., Muhammad, I. S., Wan Ahmad, W. R., & Abdul Hamid, M. F. (2025). Rekabentuk dan pembangunan kursus pentaualihan mikro bagi peningkatan profesionalisme pedagogi Bahasa Arab dalam kalangan guru. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (69), 227 - 239.

**Abstrak:** Peningkatan profesionalisme keguruan dalam kalangan guru dan pendidik bahasa Arab perlu sentiasa dipertingkatkan dari segi pengetahuan dan kemahiran pedagogi. Salah satu laluan adalah melalui kursus 'Pentaualihan Mikro atau Micro-Credential' (MC). Secara amnya MC adalah suatu kursus atau pakej pembelajaran yang direkabentuk dengan tujuan untuk meningkatkan kepakaran dan kompetensi spesifik individu dalam pelbagai bidang kerjaya yang lazimnya dapat diakses melalui pelantar atau portal pembelajaran dalam talian. Justeru, pendekatan ini didapati sesuai untuk meningkatkan kemahiran pembangunan profesional bagi para guru disebabkan oleh pelbagai halangan dan batasan, kerana tidak semua daripada mereka dapat meningkatkan kemahiran yang diperlukan secara formal disebabkan kekangan pelbagai tugas di sekolah. Justeru, kajian rintis ini dijalankan bagi merekabentuk dan membangunkan platform pembelajaran sepanjang hayat melalui kursus 'Micro-Credential' dalam Pedagogi bahasa Arab dengan kerjasama dan perakuan Akademi UIAM (IIUM Academy). Kursus ini menyasarkan tenaga pengajar dan pendidik bahasa Arab yang berhasrat untuk mengembangkan pengetahuan, kemahiran, dan kecekapan mereka

*dalam aspek pedagogi dan pengajaran pendidikan bahasa Arab. Projek rintis ini mengandungi lapan buah video pembelajaran pendek berkaitan asas pedagogi bahasa Arab, yang berjumlah kira-kira 300 minit masa pembelajaran, lapan unit latihan pembelajaran interaktif dan lapan tugas penilaian untuk mengukur kemajuan peserta kursus melalui platform Google Classroom beserta beberapa aplikasi e-pembelajaran yang lain seperti Padlet, Quizizz. Dan lain-lain. Projek ini dibangunkan berdasarkan model Model Prototaip Rapid yang telah disahkan oleh dua orang pakar sebelum melalui sesi percubaan skala kecil dalam kalangan 12 orang responden. Projek ini menyediakan alternatif pembelajaran alternatif yang diperakui bagi meningkatkan profesionalisme kerjaya pendidik bahasa Arab melalui jadual kelas yang fleksibel dan aktiviti pembelajaran interaktif melalui bimbingan dan pemantauan guru yang berterusan.*

**Kata Kunci:** *Pentauliahan Mikro, Pedagogi Bahasa Arab, Pembelajaran Dalam Talian, Pembelajaran Kendiri, Pembelajaran Sepanjang Hayat, Pembangunan Profesionalisme.*

**Abstract:** *The improvement of teaching professionalism among Arabic language teachers and educators needs to be constantly improved in terms of pedagogical knowledge and skills. One of the routes is through the Micro-Credential (MC) course. In general, MC is a course or learning package that is designed with the aim of improving the specific expertise and competence of individuals in various career fields that can usually be accessed through an online learning platform or portal. Thus, this approach is found to be suitable for improving professional development skills for teachers due to various obstacles and limitations, because not all of them is able to improve their required skills formally due to the constraints of various tasks at schools. Thus, this pilot study was conducted to design and develop a lifelong learning platform through a Micro-Credential course in Arabic Pedagogy with the collaboration and certification by IIUM Academy. This course is targeting Arabic language teachers and educators who wish to develop their knowledge, skills, and competence in the pedagogy and teaching aspects of Arabic education. This learning platform contains eight short learning videos related to the basics of Arabic language pedagogy, amounting to approximately 300 minutes of learning time, eight units of interactive learning exercises and eight assessment tasks to measure the progress of course participants through the Google Classroom platform along with several e-learning applications that others like Padlet, Quizizz. And others. This project was developed based on a Rapid Prototyping model that was verified by two experts before going through a small-scale trial session among 12 respondents. This project provides a certified alternative learning alternative to improve the professionalism of Arabic language educators' careers through flexible class schedules and interactive learning activities through continuous teacher guidance and monitoring.*

**Keywords:** *Micro-Credential, Arabic Language Pedagogy, Online Learning, Self-Directed Learning, Lifelong Learning, Professionalism Development.*

## Pendahuluan

Penggunaan teknologi dalam proses pengajaran dan pembelajaran di semua peringkat usia dan pendidikan merupakan satu keperluan penting pada masanya lebih-lebih lagi dalam era pasca COVID-19 dan ledakan kecerdasan buatan (artificial intelligence-AI) termasuklah bidang bahasa Arab. Justeru, penggunaan aplikasi dan elemen multimedia dalam pendidikan merupakan antara kaedah pembelajaran terkini yang tidak dapat dielakkan lagi penggunaannya di samping kaedah pembelajaran secara bersemuka atau teradun. Mayer (2001) mendefinisikan pembelajaran multimedia sebagai persembahan bahan pengajaran yang menggunakan perkataan dan gambar yang dapat merangsang deria audio dan visual manusia. Pandangan yang dikemukakan oleh Mayer, kemudiannya dikembangkan oleh para sarjana lainnya dengan mengembangkan elemen-elemen tambahan dalam multimedia pendidikan seperti elemen suara dalam penerokaan pengajaran bahasa (Bush, 2007), pemanfaatan jaringan internet melalui World Wide Web (WWW) (Joliffe, Ritter & Stevens, 2001), dan penggunaan grafik yang menarik dalam pengajaran kosa kata bahasa (Salsbury, 2006; Bush, 2007).

Pihak kerajaan Malaysia pula menggalakan trend penggunaan teknologi dalam proses pendidikan dengan menggubal pelbagai polisi bagi memantapkan lagi pendidikan digital seperti Dasar E-Pembelajaran Negara (DePAN 2.0) yang merangkumi tiga fasa iaitu, Fasa 1 (2015), Fasa 2 (2016-2020), dan Fasa 3 (2021-2025). (KPT, 2015). Selepas merebaknya wabak COVID 19, kepentingan penggunaan teknologi dalam pendidikan semakin berkembang dan bertransformasi dengan amat pesat khususnya dengan menggunakan pelbagai platform pembelajaran digital sama ada berasaskan laman web atau 'mobile', juga pelbagai aneka aplikasi e-pembelajaran. Pihak kementerian dan universiti pula menggunakan pelbagai platform pembelajaran seperti pelantar berasaskan Moodle, VLE Frog, Google Classroom, dan MOOC, dalam menyokong semua program pembelajaran yang dijalankan di institusi masing-masing. Trend ledakan pembelajaran digital ini semakin rancak dengan ledakan penggunaan teknologi kecerdasan buatan atau 'Artificial Intelligence' sebagai satu tonggak elemen multimedia masanya.

Di sebalik kerancangan ledakan pelbagai teknologi digital terkini dalam pendidikan masanya, pihak kerajaan juga menggalakan penggunaan 'Pentauliah Mikro atau Micro-Credential' (MC) sebagai salah satu alternatif dalam laluan pembelajaran terakumulasi dalam akreditasi Agensi Kelayakan Malaysia atau ringkasannya MQA. (MQA, 2020). Secara definisinya, kursus 'Pentauliah Mikro atau Micro-Credential' (MC) adalah 'Pentauliah Mikro atau Micro-Credential' (MC). MC secara amnya adalah suatu kursus atau pakej pembelajaran dijalankan dengan tujuan untuk peningkatan kepakaran dan kompetensi spesifik individu dalam pelbagai bidang dan lazimnya diakses menerusi platform portal pembelajaran dalam talian. MC juga adalah model pembelajaran berasaskan kompetensi yang disediakan oleh pendidikan tinggi (HEI) atau swasta yang menganugerahkan kepada pelajar dengan lencana digital (*digital badge*) setelah tamat kursus (Alamri et al., 2021). Oleh itu, 'digital badge' ialah satu bentuk perakuan yang khusus, yang memberikan pengesahan tamat pembelajaran sesuatu modul melalui MC sebagai bukti pembelajaran atau bukti kemahiran yang diperolehi (European Commission, 2020; Oliver, 2019). Lencana digital ini juga dikenali sebagai 'lencana terbuka' (open badges) atau 'lencana maya' (virtual badges) yang merupakan token digital yang diberikan setelah menyelesaikan modul pembelajaran dalam talian (Clements et al., 2020). Di Malaysia, pihak Agensi Kelayakan Akreditasi (MQA) telah pun

menyediakan polisi Garis Panduan Amalan Baik bagi penawaran ‘Micro-Credential’ (MC) yang mendapat pengiktirafan MQA (Malaysian Qualification Agency, 2020), termasuklah panduan pelaksanaan micro-credential mandiri Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT, tanpa tarikh).

### **Pernyataan Masalah**

Guru dan pendidik bahasa Arab sentiasa perlu dan bersedia untuk meningkatkan dan mengembangkan pengetahuan dan kebolehan pedagogi mereka. Terdapat banyak cara untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran asas pengajar, samada ada secara formal atau informal, seperti menghadiri seminar, latihan, dan bengkel serta meneruskan pendidikan mereka di peringkat yang lebih tinggi. Disebabkan oleh kekangan pelbagai tugas dan batasan di sekolah tidak semua daripada mereka dapat meningkatkan kemahiran yang diperlukan. Peningkatan profesionalisme guru adalah penting kerana kualiti guru adalah pembolehubah yang paling penting yang mempengaruhi pencapaian pelajar dan meningkatkan kualiti sekolah (Desimone, 2009, 2011).

Antara pendekatan terkini untuk meningkatkan kemahiran pembangunan profesionalisme kerjaya supaya sentiasa kekal relevan adalah melalui kursus pembelajaran sendiri yang dikenali sebagai kursus pentauliahan mikro atau ‘Micro-Credential’ (Sinar Harian, 2022). Kursus pentauliahan mikro dilihat sebagai satu pendekatan fleksibel untuk memenuhi keperluan peningkatan kemahiran bagi individu yang ingin memajukan kerjaya mereka dan untuk menyediakan tenaga kerja mahir untuk industri yang berubah dengan pantas (Desmarchelier & Cary, 2022; Oliver, 2019). Platform pembelajaran ini didapati boleh meningkatkan akses kepada pendidikan tinggi dengan mengurangkan kos pendaftaran pengajian (Wheelahan & Moodie, 2022). Melalui program ini, peluang dan akses kepada pendidikan tinggi berpotensi diwujudkan untuk menyokong pemerolehan berterusan kelayakan berkaitan industri kerjaya berkaitan walaupun para pekerja menghadapi kekurangan masa atau wang untuk mengikuti program ijazah secara sepenuhnya (Carnevale et al., 2015). Walau bagaimanapun, Zhang & West (2020) menyatakan bahawa potensi dan cabaran untuk melaksanakannya dalam pendidikan tinggi masih belum difahami dan dihadam dengan baik oleh pelbagai pihak.

Antara kajian-kajian terkini yang telah dijalankan berkaitan pelaksanaan kursus pentauliahan mikro di Malaysia adalah hasil kajian yang mendedahkan trend positif ke arah penggunaan kelayakan mikro di Malaysia, didorong oleh keperluan untuk kemahiran khusus dalam pasaran pekerjaan yang berubah dengan pantas oleh Navanitha dan rakan-rakan (2022) dan kajian analisis keperluan program Micro-Credential (MC) berdasarkan trend penyertaan kursus pembelajaran sepanjang hayat di Kolej Komuniti Negeri Johor oleh Nazila, Noreles, dan Salasiah (2024) yang mendapati bahawa trend permintaan kursus pembelajaran sepanjang hayat mengikut kluster yang bersesuaian untuk ditawarkan MC sentiasa meningkat setiap tahun dan ia juga seiring dengan kursus yang ditawarkan secara sepenuh masa di Kolej Komuniti di Johor. Ini membuktikan konsep MC jika ditawarkan di Kolej Komuniti Negeri Johor akan mendapat sambutan menggalakkan dari komuniti setempat. Kajian oleh Amna dan rakan-rakan (2024) juga mengkaji halangan dan strategi awal untuk kaedah dan strategi pelaksanaan program kelayakan mikro di IPT dengan menekankan kepentingan perancangan dan persediaan yang proaktif sebelum memulakan perjalanan transformatif ini.

Justeru, kajian awal ini dijalankan bagi merekabentuk dan membangunkan Program ‘Micro-Credential’ dalam pedagogi bahasa Arab untuk pembelajaran sepanjang hayat dengan perakuan Akademi UIAM dalam kalangan tenaga pengajar dan pendidik bahasa Arab yang berhasrat untuk meningkatkan dan mengembangkan pengetahuan, kemahiran, dan kecekapan mereka dalam aspek pedagogi dan pengajaran.

### Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Merekabentuk dan membangunkan program kursus pentauliahian mikro dalam pedagogi bahasa Arab untuk pembelajaran sepanjang hayat dalam kalangan guru bahasa Arab.
2. Menjalankan kajian rintis penilaian program kursus pentauliahian mikro dalam pedagogi bahasa Arab untuk pembelajaran sepanjang hayat dalam kalangan guru bahasa Arab.
3. Meninjau cadangan lanjut bagi penambahbaikan program kursus pentauliahian mikro dalam pedagogi bahasa Arab untuk pembelajaran sepanjang hayat dalam kalangan guru bahasa Arab.

### Metodologi Kajian

Kajian rintis ini dijalankan bagi merekabentuk dan membangunkan program kursus pentauliahian mikro dalam pedagogi bahasa Arab bagi pembelajaran sepanjang hayat di UIAM berdasarkan model Model Prototaip Rapid oleh Tripp dan Bichelmeyer (1990) yang telah disahkan oleh dua orang pakar sebelum melalui sesi percubaan berskala kecil dalam kalangan 12 orang responden. Soal-selidik penilaian berskala kecil dijalankan dalam kalangan para guru dan pendidik bahasa Arab dengan mengadaptasi instrumen kajian yang digunakan oleh Amani Nawi (2014), Mohd Taufik (2016) dan Muhammad Sabri dan rakan-rakan (2018).

Soal selidik kajian ini terdiri daripada empat bahagian. Bahagian A melibatkan latar belakang responden. Manakala untuk bahagian B dan C, skala Likert lima tahap digunakan bagi menilai dua aspek utama iaitu; Aspek Teknikal Kursus Pentauliahian Mikro Pedagogi Bahasa Arab dan Aspek kandungan Kursus Pentauliahian Mikro Pedagogi Bahasa Arab. Lima skala Likert yang digunakan ialah 1 = Sangat tidak setuju, 2 = Tidak setuju, 3 = Tidak pasti, 4 = Setuju, dan 5 = Sangat Setuju. Bahagian D pula melibatkan soalan terbuka yang melibatkan cadangan penambahbaikan terhadap program kursus pentauliahian mikro dalam pedagogi bahasa Arab untuk pembelajaran sepanjang hayat oleh para guru. Responden yang terlibat dalam kajian terdiri daripada 12 responden yang telah menilai aspek kebolehgunaan projek prototaip awal ini dan menjawab soal-selidik bercampur melalui pautan Google Form. Jumlah responden dalam soal-selidik kebolehgunaan awal ini adalah diterima berdasarkan cadangan Nielsen (2012).

**Jadual 1: Kandungan item set soal selidik**


Bahagian	Item
A	Latar belakang responden.
B	Aspek teknikal kursus pentauliahian mikro pedagogi bahasa Arab
C	Aspek kandungan kursus pentauliahian mikro pedagogi bahasa Arab.

- D Soalan terbuka yang melibatkan cadangan penambahbaikan terhadap kursus pentauliahian mikro dalam pedagogi bahasa Arab untuk pembelajaran sepanjang hayat.

### Rekabentuk Awal Program ‘Micro Credential’ Dalam Pedagogi Bahasa Arab

Projek perintis ini mengandungi lapan buah video pembelajaran pendek berkaitan asas pedagogi bahasa Arab, yang berjumlah kira-kira 300 minit masa pembelajaran, lapan unit latihan pembelajaran interaktif dan lapan tugasan penilaian untuk mengukur kemajuan peserta kursus melalui pelantar pembelajaran Google Classroom (Gambar 1) beserta beberapa aplikasi e-pembelajaran yang lain (Jadual 2 dan Gambar 2). Kandungan kursus pentauliahian mikro ini diadaptasi daripada kursus pedagogi bahasa Arab yang digunakan oleh Kulliyah Pendidikan UIAM dan dirangka dalam proforma kursus yang disediakan oleh Unit Pentauliahian Mikro, Pusat Pembangunan Professionalisme UIAM (CPD, 2024)

Projek ini dibangunkan pendekatan penyelidikan Reka Bentuk dan Pembangunan (DDR) jenis 1 yang akan menghasilkan produk dan alat yang dipelopori oleh Richey dan Klein (2007) berdasarkan adaptasi Model Prototaip Rapid oleh Tripp dan Bichelmeyer (1990) yang telah disahkan oleh dua orang pakar sebelum melalui sesi percubaan skala kecil dalam kalangan para guru. Projek ini menyediakan program sijil profesional alternatif bagi meningkatkan profesionalisme kerjaya pendidik bahasa Arab melalui jadual pembelajaran yang fleksibel dan latihan interaktif melalui pemantauan dan bimbingan guru yang berterusan.



Gambar 1: Model Prototaip Rapid Tripp dan Bichelmeyer (1990)

Jadual 2: Fasa dan Proses Rekabentuk Prototaip

Fasa rekabentuk dan proses	Contoh bahan																					
<p><b>Fasa 1: Analisis Keperluan</b> Menjalankan analisis keperluan kandungan pembelajaran daripada kursus pedagogi bahasa Arab yang digunakan oleh Kulliyah Pendidikan UIAM dan merangka proforma modul kursus berdasarkan format yang disediakan oleh Unit Pentauliahian Mikro, Pusat Pembangunan Professionalisme UIAM</p>	<p>This module exposes students to the definition and concept of pedagogy in teaching Arabic language, historical background, categories, theories and applications among teachers and educators.</p> <p><b>Module Objectives :</b> 1. To provide insights into pedagogy in teaching and learning Arabic language. 2. To explore the application of pedagogy in teaching Arabic language.</p> <p><b>Medium of Instruction :</b> Arabic and Malay languages.</p> <p><b>MLO (Module Learning Outcome) – Instruction Method – Assessment Alignment:</b></p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>MLO</th> <th>Learner's Content</th> <th>Instructor Oriented Method</th> <th>Time, min</th> <th>Learners Activity (Activity to be bold)</th> <th>Time, min</th> <th>Assessment / Competency** Digital Learning Artifact (Artifact to be bold)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>MLO 1</td> <td>• Importance of teaching and learning foreign languages. • Importance of teaching and learning Arabic language for Muslims who speak other languages.</td> <td>Video 1</td> <td>20 minutes</td> <td><b>Mind map preparation:</b> The importance of and learning Arabic language.</td> <td>10 minutes</td> <td><b>Mind map preparation:</b> The importance of and learning Arabic language.  <b>Proposed materials:</b> PPT/Canva</td> </tr> <tr> <td>MLO 1</td> <td>Arabic language syllabus internationally and nationally.</td> <td>Video 2</td> <td>20 minutes</td> <td><b>Answering Quiz:</b> Exploring the textbooks and references in</td> <td>10 minutes</td> <td><b>Answering Quiz:</b> Exploring the textbooks and references in</td> </tr> </tbody> </table>	MLO	Learner's Content	Instructor Oriented Method	Time, min	Learners Activity (Activity to be bold)	Time, min	Assessment / Competency** Digital Learning Artifact (Artifact to be bold)	MLO 1	• Importance of teaching and learning foreign languages. • Importance of teaching and learning Arabic language for Muslims who speak other languages.	Video 1	20 minutes	<b>Mind map preparation:</b> The importance of and learning Arabic language.	10 minutes	<b>Mind map preparation:</b> The importance of and learning Arabic language.  <b>Proposed materials:</b> PPT/Canva	MLO 1	Arabic language syllabus internationally and nationally.	Video 2	20 minutes	<b>Answering Quiz:</b> Exploring the textbooks and references in	10 minutes	<b>Answering Quiz:</b> Exploring the textbooks and references in
MLO	Learner's Content	Instructor Oriented Method	Time, min	Learners Activity (Activity to be bold)	Time, min	Assessment / Competency** Digital Learning Artifact (Artifact to be bold)																
MLO 1	• Importance of teaching and learning foreign languages. • Importance of teaching and learning Arabic language for Muslims who speak other languages.	Video 1	20 minutes	<b>Mind map preparation:</b> The importance of and learning Arabic language.	10 minutes	<b>Mind map preparation:</b> The importance of and learning Arabic language.  <b>Proposed materials:</b> PPT/Canva																
MLO 1	Arabic language syllabus internationally and nationally.	Video 2	20 minutes	<b>Answering Quiz:</b> Exploring the textbooks and references in	10 minutes	<b>Answering Quiz:</b> Exploring the textbooks and references in																

### Fasa 2: Merangka Objektif Pembelajaran

Menyusun huraian aktiviti pembelajaran, tugas dan penilaian kursus yang akan dijalankan berdasarkan minggu yang telah ditetapkan.

#### PENGENALAN DAN MAKLUMAT ASAS

	Pengenalan Kursus (Course Introduction)	Edited Jun 6
	Maklumat Asas Kursus (Course Outline)	Edited Jun 6
	Perincian Aktiviti Pembelajaran (Video 1h...)	Edited Jun 6

### Fasa 3: Membina Prototaip Awal


Membina prototaip awal berdasarkan elemen video instruksional, aktiviti pembelajaran, tugas dan penilaian kursus yang akan dijalankan berdasarkan minggu yang telah ditetapkan.




#### PENGENALAN DAN MAKLUMAT ASAS

	Pengenalan Kursus (Course Introduction)	Edited Jun 6
	Maklumat Asas Kursus (Course Outline)	Edited Jun 6
	Perincian Aktiviti Pembelajaran (Video 1h...)	Edited Jun 6

### Pelantar pembelajaran Google Classroom




### Paparan Pengenalan Kursus ‘Micro-Credential’



### Senarai Video Pembelajaran Interaktif



### Senarai Aktiviti Pembelajaran Interaktif



### Senarai Penilaian Tugas dan Pembelajaran

### Penerangan Kursus dalam YouTube

Link: <https://youtu.be/c7XRReQ85Ec>

### Fasa 4 &5: Penggunaan Prototaip dan Penyelenggaraan Sistem


Menggunakan prototaip awal dalam sesi pengesahan oleh 2 orang pakar dan menjalankan sesi percubaan skala kecil dalam kalangan para guru secara berterusan

Jadual 6 di bawah menunjukkan dapatan berkenaan Aspek Kandungan Kursus Pentauliah Mikro (Micro Credential) Pedagogi Bahasa Arab seperti berikut:					
Item soal-selidik	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju	Sangat setuju
a) Kandungan Kursus Pentauliah Mikro sesuai dengan pedagogi Bahasa Arab.	0	0	1 (12.5%)	2 (25%)	5 (62.5%)
b) Kandungan Kursus Pentauliah Mikro jelas secara teori dan praktikal.	0	0	1 (12.5%)	3 (37.5%)	4 (50%)
c) Susunan kandungan pelajaran adalah sesuai.	0	0	0	2 (25%)	6 (75%)
d) Penerangan pelajaran yang jelas dan mudah difahami.	0	0	1 (12.5%)	2 (25%)	5 (62.5%)
e) Kandungan pelajaran memenuhi jangkaan keperluan peserta kursus ini.	0	0	0	3 (37.5%)	5 (62.5%)
f) Video Pembelajaran adalah sesuai dan difahami.	0	0	0	4 (50%)	4 (50%)
g) Aktiviti pembelajaran interaktif menarik dan meyeronokkan.	0	0	0	2 (25%)	6 (75%)
h) Aktiviti tugasan yang diberikan sesuai dengan topik pembelajaran.	0	0	0	2 (25%)	6 (75%)
i) Kandungan kursus ini membantu saya memahami konsep dan aplikasi pedagogi bahasa Arab.	0	0	0	2 (25%)	6 (75%)
j) Platform pembelajaran kursus ini adalah interaktif dan menarik.	0	0	0	2 (25%)	6 (75%)

Jadual 7: Aspek Teknikal Kursus Pentauliah Mikro (Micro Credential) Pedagogi Bahasa Arab					
Item soal-selidik	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju	Sangat setuju
a) Platform Google Classroom sesuai digunakan bagi Kursus ini.	0	1 (12.5%)	0	1 (12.5%)	6 (75%)
b) Kualiti video jelas dan memuaskan.	0	0	2 (25%)	2 (25%)	4 (50%)
c) Aspek persembahan video multimedia menarik.	0	0	1 (12.5%)	3 (37.5%)	4 (50%)
d) Kualiti audio (suara) dalam video jelas dan memuaskan.	0	0	1 (12.5%)	2 (25%)	5 (62.5%)
e) Kursus Pentauliah Mikro adalah interaktif.	0	0	1 (12.5%)	3 (37.5%)	4 (50%)
f) Penggunaannya adalah mesra pengguna.	0	0	0	3 (37.5%)	5 (62.5%)
g) Maklumat asas Kursus Pentauliah Mikro adalah jelas.	0	0	0	4 (50%)	4 (50%)
h) Susunan kandungan Kursus Pentauliah Mikro adalah sesuai.	0	0	0	3 (37.5%)	6 (75%)
i) Platform pembelajaran mudah diakses.	0	0	1 (12.5%)	2 (25%)	5 (62.5%)
j) Paparan maklumat pembelajaran adalah sesuai.	0	0	1 (12.5%)	3 (37.5%)	4 (50%)

**Gambar 2: Contoh-contoh Video Pembelajaran Interaktif**



Gambar 2 diatas memaparkan paparan skrin video instruksional yang dibina oleh para pelajar kursus EDLA 7106 - Bahan Pengajaran dalam Pengajaran Bahasa Arab yang berkolaborasi membina propotaip ini dalam semester 2, 2023/2024.

### Dapatan Kajian

Analisis demografi responden menunjukkan sejumlah 12 orang responden yang terdiri daripada pelbagai latar belakang pendidik dan guru bahasa Arab terlibat dalam sesi penilaian berskala kecil dalam kajian ini. Berikut dinyatakan maklumat berkaitan responden.

#### Bahagian A: Latarbelakang Responden

Jadual 2 di bawah menunjukkan maklumat berkaitan umur responden. Para responden terdiri daripada kategori yang berumur di antara 23 hingga 29 tahun dalam kajian ini. Mereka bertugas sebagai guru bahasa Arab di serata negeri di Malaysia dan ada dalam kalangan



responden yang bertugas di Sabah dan Sarawak serta merupakan warganegara Malaysia termasuklah guru pelatih.

**Jadual 2: Umur responden**

Umur	Kekerapan (N)	Peratus (%)
23 tahun	3	25
24 tahun	2	16.7
25 tahun	1	8.3
26 tahun	1	8.3
27 tahun	1	8.3
28 tahun	3	25
29 tahun	1	8.3
Jumlah	12	100.0

**Jadual 3: Berminat untuk belajar meningkatkan kemahiran pedagogi bahasa Arab?**

Item	Kekerapan (N)	Peratus (%)
Ya	12	100
Tidak	0	0
Jumlah	12	100.0

Berdasarkan jadual 3 di atas, para responden sepakat menyatakan bahawa mereka tetap berminat untuk belajar meningkatkan kemahiran pedagogi bahasa Arab walaupun mereka telah bertugas sebagai guru di sekolah masing-masing.

### **Bahagian B: Dapatan Aspek Teknikal Kursus Pentauliahan Mikro Pedagogi Bahasa Arab**

Jadual 4 di bawah menunjukkan dapatan berkaitan Aspek Teknikal Kursus Pentauliahan Mikro Pedagogi Bahasa Arab seperti berikut:

**Jadual 4: Aspek Teknikal Kursus Pentauliahan Mikro Pedagogi Bahasa Arab**

Item soal-selidik	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju	Sangat setuju
a) Platform Google Classroom sesuai digunakan bagi Kursus ini.	0	1 (8.3%)	0	5 (41.7%)	6 (50%)
b) Kualiti video jelas dan memuaskan.	0	0	2 (16.7%)	6 (50%)	4 (33.3%)
c) Aspek persembahan video multimedia menarik.	0	0	2 (16.7%)	5 (41.7%)	5 (41.7%)
d) Kualiti audio (suara) dalam video jelas dan memuaskan.	0	0	2 (16.7%)	5 (41.7%)	5 (41.7%)
e) Kursus Pentauliahan Mikro adalah interaktif.	0	0	1 (8.3%)	6 (50%)	5 (41.7%)
f) Penggunaanya adalah mesra pengguna.	0	0	0	5 (41.7%)	7 (58.3%)
g) Maklumat asas Kursus Pentauliahan Mikro adalah jelas.	0	0	0	7 (58.3%)	5 (41.7%)

h) Susunan kandungan Kursus Pentauliahian Mikro adalah sesuai.	0	0	0	6 (50%)	6 (50%)
i) Platform pembelajaran mudah diakses.	0	0	1 (8.3%)	5 (41.7%)	6 (50%)
j) Paparan maklumat pembelajaran adalah sesuai.	0	0	1 (8.3%)	7 (58.3%)	4 (33.3%)

Daripada jadual 4 di atas, dapatan menunjukkan bahawa guru bahasa Arab secara umumnya memberikan respons di antara Setuju dan Sangat Setuju dalam aspek teknikal kursus pentauliahian mikro pedagogi bahasa Arab yang telah dicuba oleh mereka dalam sesi penilaian kebolegunaan berskala kecil ini. Namun terdapat beberapa jawapan yang tidak pasti dan 1 jawapan tidak setuju berkaitan penggunaan pelantar Google Classroom.

### Bahagian C: Dapatan Aspek Kandungan Kursus Pentauliahian Mikro Pedagogi Bahasa Arab

Jadual 5 di bawah menunjukkan dapatan berkaitan Aspek Kandungan Kursus Pentauliahian Mikro Pedagogi Bahasa Arab seperti berikut:

**Jadual 5: Dapatan berkaitan Aspek Kandungan Kursus Pentauliahian Mikro Pedagogi Bahasa Arab**

Item soal-selidik	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju	Sangat setuju
a) Kandungan Kursus Pentauliahian Mikro sesuai dengan pedagogi Bahasa Arab.	0	0	1 (8.3%)	6 (50%)	5 (41.7%)
b) Kandungan Kursus Pentauliahian Mikro jelas secara teori dan praktikal.	0	0	1 (8.3%)	7 (58.3%)	4 (33.3%)
c) Susunan kandungan pelajaran adalah sesuai.	0	0	0	5 (41.7%)	7 (58.3%)
d) Penerangan pelajaran yang jelas dan mudah difahami.	0	0	1 (8.3%)	6 (50%)	5 (41.7%)
e) Kandungan pelajaran memenuhi jangkaan keperluan peserta kursus ini.	0	0	0	6 (50%)	6 (50%)
f) Video Pembelajaran adalah sesuai dan difahami.	0	0	0	7 (58.3%)	5 (41.7%)
g) Aktiviti pembelajaran interaktif menarik dan menyeronokkan.	0	0	0	5 (41.7%)	7 (58.3%)
h) Aktiviti tugas yang diberikan sesuai dengan topik pembelajaran.	0	0	0	5 (41.7%)	7 (58.3%)
i) Kandungan kursus ini membantu saya memahami	0	0	0	6 (50%)	6 (50%)

konsep dan aplikasi pedagogi bahasa Arab.

j) Platform pembelajaran kursus ini adalah interaktif dan menarik.	0	0	0	4 (33.3%)	8 (66.7%)
--	---	---	---	--------------	--------------

Daripada jadual 5 di atas, dapatan menunjukkan bahawa guru bahasa Arab secara umumnya memberikan respons yang lebih baik daripada jadual 5 di antara Setuju dan Sangat Setuju dalam aspek teknikal kursus pentauliahian mikro pedagogi bahasa Arab yang telah dicuba oleh mereka. Secara tidak langsung, ini menunjukkan bahawa kandungan pembelajaran dalam program ini sangat relevan dengan keperluan dan bidang tugas mereka sebagai guru.

### Bahagian C: Dapatan Soalan Terbuka.

Dalam bahagian ini, para telah ditanya 3 soalan utama. Respons terhadap soalan-soalan dipaparkan seperti berikut:

**Jadual 6: Dapatan Soalan Terbuka dan Rumusan Respons**

Soalan Terbuka	Rumusan Respons
1- Apakah kelebihan kursus Pentauliahian Mikro ini?	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Boleh dan mudah diakses dimana-mana.</li> <li>• Membantu meningkatkan pengetahuan pedagogi bahasa Arab dalam pengajaran dan pembelajaran seharian</li> <li>• Meningkatkan kemahiran pedagogi bahasa Arab</li> <li>• Membolehkan individu mempelajari kemahiran baharu dan meningkatkan kebolehan mereka dalam masa yang singkat, sambil menjalankan tugas harian mereka.</li> <li>• Boleh memberi maklumat dan akses kepada semua lapisan pelajar.</li> </ul>
2- Apakah kekurangan kursus Pentauliahian Mikro ini?	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sukar diakses bagi sesetengah kawasan.</li> <li>• Individu mengambil masa yang lama untuk memahami kemahiran baru.</li> <li>• Tidak terlalu moden.</li> </ul>
3- Apakah cadangan lanjut penambahbaikan Pentauliahian Mikro ini?	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dilaksanakan dengan lebih meluas seluruh Malaysia.</li> <li>• Memuatkan bahan pembelajaran yang pelbagai dan menarik.</li> <li>• Mengadakan kursus berkala.</li> <li>• Menggunakan e-permainan untuk pentaksiran.</li> </ul>

Dapatan soal-selidik terbuka dalam jadual 6 telah menunjukkan bahawa responden bersetuju bahawa kursus Pentauliahian Mikro ini dapat membantu meningkatkan pengetahuan pedagogi bahasa Arab dalam pengajaran dan pembelajaran seharian serta mudah diakses dimana-mana. Namun begitu, faktor capaian internet tetap perlu diambil kira kerana program ini sukar diakses bagi sesetengah kawasan. Terdapat responden yang mencadangkan supaya program ini dilaksanakan dengan lebih meluas seluruh Malaysia, dengan memuatkan bahan pembelajaran yang pelbagai dan menarik serta dilaksanakan secara berkala.

## Kesimpulan

Dalam kajian ini, dapatan penilaian awal program Pentauliahhan Mikro dalam pedagogi bahasa Arab untuk pembelajaran sepanjang hayat di UIAM menunjukkan respons yang agak memuaskan walaupun jumlah responden awal agak kecil namun sesuai dalam fasa awal kajian rintis ini. Walaupun kajian yang dijalankan dalam aspek pelaksanaan program 'micro credential' dalam pedagogi bahasa Arab masih awal dan baru, namun kajian rintis ini telah membuka dimensi dan ruang ke arah kajian yang lebih besar, luas dan mendalam pada masa depan. Kajian ini menunjukkan bahawa program 'micro credential' berpotensi menjadi salah satu alternatif pembelajaran teraku (accredited learning) yang boleh dipilih oleh para guru yang ingin meningkatkan kompetensi pedagogi mereka secara separuh masa tanpa perlu mengambil cuti belajar dengan waktu pembelajaran yang lebih fleksibel. Prototaip ini telah berjaya memenangi pingat gangsa dalam pertandingan rekacipta dan inovasi SUSED 2024 anjuran UIAM.

## Rujukan

- Amna, S., Muhammad Haziq, A.J., Ahmad Roshidi, A. (2024). Before the Badge: Tackling Initial Hurdles in Integrating Micro-Credentials at Institutes of Higher Learning. doi: 10.1109/imcom60618.2024.10418405
- Alamri, H. A., Watson, S., & Watson, W. (2021). Learning technology models that support personalization within blended learning environments in higher education. *TechTrends*, 65(1), 62–78.
- Amani, Nawi (2014). *Tasmim Wehdat Dirasiyyah Hasubiyyah li al-Ta'birat al-Istilahiyah fi al-Lughah al-Arabiyyah: Talabah Jami'ah al-Islamiyyah al-Alamiyyah Namuzajan*. Masters Thesis, International Islamic University Malaysia, Kuala Lumpur.
- Bush, M. D. 2007. Facilitating the Integration of Culture and Vocabulary Learning: The Categorization and Use of Pictures in the Classroom. *Foreign Language Annals*. Winter. *ProQuest Education Journals*, 40: 4727–745.
- Carnevale, A. P., Smith, N., Melton, M., & Price, E. (2015). *Learning While Earning: The New Normal*. Georgetown University Center on Education and the Workforce. <http://hdl.voced.edu.au/10707/396609>
- Clements, K., West, R. E., & Hunsaker, E. (2020). Getting started with open badges and open microcredentials. *International Review of Research in Open and Distributed Learning*, 21(1), 154–172. <https://doi.org/10.19173/irrodl.v21i1.4529>
- CPD (2024). *Micro Credential Unit*. Centre for Professional Development, IIUM. <https://centre.iium.edu.my/cpd/micro-credential-unit/>
- Desimone, L. (2009). Improving Impact Studies of Teachers' Professional Development: Toward Better Conceptualizations and Measures. *Educational Researcher*, 38, 181 - 199.
- Desmarchelier, R., & Cary, L. J. (2022). Toward just and equitable micro-credentials: an Australian perspective: *Revista de Universidad y Sociedad del Conocimiento*. *International Journal of Educational Technology in Higher Education*. <https://doi.org/10.1186/s41239-022-00332-y>
- European Commission. (2020). *Final Report: A European Approach to Micro-Credentials*. *Output of the Microcredentials Higher Education Consultation Group*. <https://ec.europa.eu/education/sites/default/files/document-library-docs/european-approach-microcredentials-higher-education-consultation-group-output-final-report.pdf>
- Joliffe, A., Ritter, J. & Stevens, D. 2001. *The Online Learning Handbook, Developing and Using Web-Based Learning*. London, UK: Kogan Page Limited.

- KPT (2015). *Dasar E-Pembelajaran Negara (DePAN 2.0)*. Jabatan Pendidikan Tinggi Kementerian Pendidikan Tinggi.  
[https://cade.upm.edu.my/dokumen/PTPA1\\_DePAN\\_v2.pdf](https://cade.upm.edu.my/dokumen/PTPA1_DePAN_v2.pdf)
- KPT (tanpa tarikh). Pelaksanaan Micro-Credential Mandiri JPPKK. Link:  
[https://atppolycc.cidod.edu.my/pluginfile.php/226/block\\_html/content/PELAKSAN AAN%20MICRO-CREDENTIAL%20MANDIRI%20JPPKK.pdf](https://atppolycc.cidod.edu.my/pluginfile.php/226/block_html/content/PELAKSAN AAN%20MICRO-CREDENTIAL%20MANDIRI%20JPPKK.pdf)
- MQA (2020). *Guidelines to Good Practices: Micro-credentials*. Malaysian Qualification Agency. Link: <https://www2.mqa.gov.my/portalmc/>
- Mayer, R. E. 2001. *Multimedia Learning*. 9th edition. New York: Cambridge University Press.
- Mohd Taufik, A.G., Wan Ab Aziz, W.D., Muhammad Sabri, S. (2016). Employing websites in language learning for tourism purpose among Arabic learners at the MARA Poly-Tech College. In: *Envisioning the Future of Online Learning*. Springer, Singapore. ISBN 978-981-10-0952-5, pp. 23-30.
- Muhammad Sabri, S., Mohd Firdaus, Y., Taufik, I., Muhamad Azhar, Z. and Wan Rusli, W.A. (2018) Development and evaluation of i-Mutawwif: A mobile language traveller guide in Arabic for mutawwif (Umrah tour guide). *International Journal of Interactive Mobile Technologies*, 12 (2). pp. 54-68. ISSN 1865-7923.
- Navanitha, M., Savita, K.S., Noreen Izza, A., Isawasan, P., Adams, D., Nur Hidayah, C.A., Tenku Putri Norishah, T. S. (2022). The Preliminary Investigation on Micro-Credentials Practices in Malaysia. 272-277. doi: 10.1109/ICDI57181.2022.10007115
- Nazila, M., Noreles, A., & Salasiah, A. (2024). *Kajian Analisis Keperluan Program Micro-Credential Berdasarkan Trend Penyertaan Kursus Pembelajaran Sepanjang Hayat Di Kolej Komuniti Negeri Johor*. International Conference on Business Studies and Education (ICBE) e-ISSN: 2785-9479
- Nielsen (2012). *How Many Test Users in a Usability Study?* Nielsen Norman Group. Retrieved from <https://www.nngroup.com/articles/how-many-test-users/>
- Oliver, B. (2019). *Making micro-credentials work for learners, employers and providers*. Retrieved from [dteach.deakin.edu.au/microcredentials](https://dteach.deakin.edu.au/microcredentials).
- Richey, R.C., & Klein, J.D. (2007). *Design and Development Research: Methods, Strategies, and Issues* (1st ed.). Routledge. <https://doi.org/10.4324/9780203826034>
- Salsbury, D. E. 2006. Comparing teacher-directed and computer-assisted instruction of elementary geographic place vocabulary. *The Journal of Geography*, 105(4): Jul/Aug 2006, ProQuest Education Journals.
- Sinar Harian (2022). *Micro-credential: Tambah ilmu baharu untuk kekal relevan dalam kerjaya*. Pautan: <https://www.sinarharian.com.my/article/185318/khas/pendapat/micro-credential-tambah-ilmu-baharu-untuk-kekal-relevan-dalam-kerjaya>
- Tripp, S. & Bichelmeyer, B. (1990). Rapid Prototyping: An Alternative Instructional Design Strategy. *Educational Technology Research & Development*, 38(1): 31-44.
- Wheelahan, L., & Moodie, G. (2021). Analysing micro-credentials in higher education: A Bernsteinian analysis. *Journal of Curriculum Studies*, 53(2), 212-228. <https://doi.org/10.1080/00220272.2021.1887358>
- Zhang, J., & West, R. E. (2020). Designing microlearning instruction for professional development through a competency based approach. *TechTrends*, 64(2), 310-318. <https://doi.org/10.1007/s11528-019-00449-4>